KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **20 Februari 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 29

Serbuan KPDN turut bongkar operasi lombong bijih besi secara haram

# Warga asing antara ditahan seleweng 15,000 liter diesel

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KUALA KRAI

BEREH BOH!

Empat lelaki termasuk seorang warga Indonesia ditahan selepas disyaki menyeleweng lebih 15,000 liter diesel dipercayai digunakan untuk aktiviti perlombongan bijih besi secara haram di Kampung Pasir Era, Kuala Nal, di sini, Isnin lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail berkata, serbuan bersama Pasukan Polis Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor membongkar kegiatan berkenaan dipercayai sudah beroperasi sejak beberapa bulan lalu.

Menurut Azman, pihaknya mengesan sebuah lori tangki jenis Hino membawa diesel memasuki tapak perlombongan tidak berlesen.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, enjin lori masih dihidupkan dan satu saluran paip getah disambungkan ke dalam sebuah *skid tank*.

"Seorang lelaki pula dikesan berada di atas *skid tank* sambil memegang paip besi manakala pemandu lori berada dalam kenderaan," katanya dalam satu kenyataan.



AZMAN

Menurut Azman, empat individu ditahan terdiri seorang pemborong diesel berlesen berusia 59 tahun dan anaknya berusia 34 tahun, seorang warga Indonesia yang juga pekerja lombong berusia 42 tahun serta pemandu lori dari Sabah berusia 33 tahun.

Katanya, anggota penguat kuasa turut menyita beberapa barang bukti termasuk lori tangki, paip getah dan dokumen berkaitan transaksi jual beli bahan bakar itu.

"Jumlah rampasan dianggarkan bernilai hampir RM150,000 melibatkan diesel yang juga barang kawalan tidak boleh dijual sewenang-wenangnya tanpa kelulusan pihak berkuasa," jelasnya.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 atas kesalahan menyimpan barang kawalan tanpa lesen sah serta membekalkan kepada pihak tidak berlesen.



Lori tangki membawa muatan diesel di tapak lombong bijih besi haram di Kuala Nal, Kuala Krai Isnin lalu.

Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS

TARIKH: 20/2/2025

M/SURAT: 34

# Seleweng 15,000 liter diesel untuk lombong bijih haram

**KUALA KRAI:** Kegiatan penyelewengan lebih 15,000 liter diesel untuk tujuan perlombongan bijih besi haram di Kampung Pasir Era, Kuala Nal di sini terbongkar selepas serbuan dijalankan oleh anggota penguat kuasa, Isnin lalu.

Serbuan yang dilakukan pada pukul 9.45 pagi itu melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Pasukan Polis Marin Wilayah 3, Pengkalan Kubur berjaya menahan empat lelaki, termasuk seorang warga Indonesia.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, sebelum serbuan pihaknya mengesan sebuah lori tangki yang membawa diesel itu memasuki kawasan tapak perlombongan yang dipercayai tidak berlesen.

"Ketika serbuan, seorang suspek dilihat sedang memindahkan bahan api ke dalam lori. Enjin lori itu masih dihidupkan dan paip getah disambungkan ke dalam tangki lori," katanya.

Azman berkata, pihaknya turut menyita beberapa barang bukti termasuk lori tangki, paip getah dan dokumen berkaitan transaksi jual beli diesel haram.

"Tiga daripada suspek yang ditangkap adalah pekerja, manakala seorang lagi merupakan pemborong berlesen," katanya.

Kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengesan lebih lanjut kegiatan penyelewengan yang berlaku.



**ANGGOTA KDPN melakukan pemeriksaan ke atas sebuah tangki selepas menyerbu kawasan perlombongan bijih besi haram di Kampung Pasir Era, Kuala Krai, Kelantan.**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: KHAMIS

TARIKH: 20/2/2025

M/SURAT: 11

# 4 lelaki ditahan, diesel diseleweng bernilai RM150,000 dirampas

**Kuala Krai:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan menahan empat lelaki selepas disyaki menyeleweng lebih 15,000 liter diesel membabitkan nilai rampasan hampir RM150,000 di Kampung Pasir Era, Kuala Nal di sini, Isnin lalu.

Serbuan jam 9.45 pagi dilakukan dengan kerjasama Pasukan Polis Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor itu turut membongkar kegiatan licik penyelewengan diesel yang disyaki digunakan untuk aktiviti perlombongan bijih besi secara haram.



KPDN Kelantan rampas lebih 15,000 liter diesel diseleweng di Kampung Pasir Era, Kuala Nal, Kuala Krai.

Pengarahnya Azman Ismail berkata, serbuan dilakukan selepas pihaknya mengesan lori tangki yang membawa diesel berkenaan memasuki tapak perlombongan tidak berlesen itu.

"Ketika serbuan dilakukan, pasukan penguat kuasa mendapati enjin lori masih hidup dan satu saluran paip getah disambungkan ke dalam sebuah tangki simpanan manakala seorang lelaki dilihat berada di atas tangki terbabit sambil memegang paip besi.

"Susulan itu, kita menyita beberapa barang bukti termasuk sebuah lori tangki, paip getah serta dokumen berkaitan transaksi jual beli.

"Empat individu yang ditahan termasuk warga Indinesia itu berusia 33 hingga 59 tahun membabitkan seorang pemborong diesel berlesen serta dua lelaki tempatan yang dipercayai pekerja di lombong berkenaan," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 termasuk kesalahan menyimpan barang kawalan tanpa lesen yang sah serta membekalkan kepada pihak tidak berlesen.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 4

# Padi Act amendment to be completed this year: Minister

**SHAH ALAM:** The Agriculture and Food Security Ministry will ensure that amendments to the Paddy and Rice Control Act (Act 522) are completed and enforced this year.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the amendment to increase enforcement to curb the conversion of local rice into imported rice also took into account research conducted by the Malaysian Competition Commission (MyCC).

"We will amend this Act by taking recommendations by MyCC involved in conducting investigations on the issue of *padi* and rice.

"From there, we will make the necessary changes to overcome the issue, including strengthening monitoring as well as taking action against those who violate the law," he said after presenting Agrobank's 2025 school money assistance and the release of Tilapia Aquaculture Aspire fry at Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun on Tuesday.

Last Thursday in Parliament, Mohamad said the government has agreed to amend Act 522, which is still loose in terms of enforcement on manufacturers, wholesalers and retailers, in an effort to curb the conversion of local rice into imported rice.

According to the minister, Act 522 does not list the offence of mixing local rice with imported rice, but only stipulates seven types of offences, including hoarding rice with the aim of creating a supply shortage.

On the release of tilapia fry, Mohamad said the Aquaculture Aspire Programme organised by Agrobank targets the involvement of 20 selected schools for the implementation of aquaculture education based on biofloc technology.

Mohamad said the selected schools will be provided with an 18sq ft pond along with 1,500 tilapia fry.

The project has the potential to become an entrepreneurial initiative that generates income for the school. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 4



Mohamad addresses the Dewan Rakyat. — Bernama photo

# Improved rice and padi industry within six months, Dewan Rakyat told

**KUALA LUMPUR:** The Ministry of Agriculture and Food Security anticipates significant rice and padi industry improvements within the first six months of this year.

Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the ministry is committed to reforming the rice and paddy industry, including completing the study on Malaysia's rice and padi industry conducted by the Malaysia Competition Commission (MyCC).

He added that the study analyses production factors and governance in the industry to uncover possible unfair practices or market monopolies.

"The findings of this study were presented to the Cabinet Committee on National Food Security Policy on Dec 17, 2024, and the report belongs to MyCC. Therefore, any public disclosure is subject to MyCC's jurisdiction.

"The reform efforts in the rice and padi industry are ongoing. The ministry is committed to taking the necessary steps to establish a fairer, more transparent, and sustainable system for the long term," he said in his winding-up debate on the motion of thanks for the royal address on behalf of the ministry.

Mohamad also said that immediate action is needed to reduce the impact of natural disasters on padi crops, highlighting that increasing the national rice buffer stock capacity is a key measure.

"The current total physical stock of rice is 917,937 metric tonnes, which includes the national rice stockpile of 200,000 metric tonnes and trade stocks of 717,937 metric tonnes. This amount is sufficient to cover 4.59 months of national demand.

"This stock can be reviewed and replenished as necessary, depending on current conditions such as global rice price fluctuations and supply chain disruptions," he said.

At the same time, he said that the Agricultural Disaster Fund has been increased to RM25 million this year, compared to RM12.7 million last year.

However, the maximum aid rate remains at 50 per cent.

Mohamad added that the government does not rule out reassessing the aid rate in the future based on the extent of disaster damage, the country's fiscal capacity, and the effectiveness of current aid mechanisms.

"If disaster situations worsen and have a greater impact, the government is ready to reassess the aid payout rate based on current needs and consequences," he said.

Meanwhile, he said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim will launch the Agricultural Irrigation and Drainage Infrastructure Project in Kedah on Feb 27.

This project supports the five seasons in two years padi cultivation initiative. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS
HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 4

# Padi Act amendment to be completed this year: Minister

**SHAH ALAM:** The Agriculture and Food Security Ministry will ensure that amendments Control of Padi and Rice Act (Act 522) are completed and enforced this year.

Its minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the amendment to increase enforcement to curb the conversion of local rice into imported rice also took into account research conducted by the Malaysian Competition Commission (MyCC).

"We will amend this Act by taking recommendations by MyCC involved in conducting investigations on the issue of *padi* and rice.

"From there, we will make the necessary changes to overcome the issue, including strengthening monitoring as well as taking action against those who violate the law," he said after presenting Agrobank's 2025 school money assistance and the release of Tilapia Aquaculture Aspire fry at Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun on Tuesday.

Last Thursday in Parliament, Mohamad said the government has agreed to amend Act 522, which is still loose in terms of enforcement on manufacturers, wholesalers and retailers, in an effort to curb the conversion of local rice into imported rice.

According to the minister, Act 522 does not list the offence of mixing local rice with imported rice, but only stipulates seven types of offences, including hoarding rice with the aim of creating a supply shortage.

On the release of tilapia fry, Mohamad said the Aquaculture Aspire Programme organised by Agrobank targets the involvement of 20 selected schools for the implementation of aquaculture education based on biofloc technology.

Mohamad said the selected schools will be provided with an 18sq ft pond along with 1,500 tilapia fry.

The project has the potential to become an entrepreneurial initiative that generates income for the school. – Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEMIKIRAN BAHARU
Utusan Malaysia

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 31

# Santan segar naik harga, peniaga tiada pilihan

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamulia.com.my

**SUNGAI PETANI:** Para peniaga santan di daerah ini tiada pilihan apabila terpaksa menaikkan harga bahan mentah itu ekoran kenaikan harga kelapa secara mendadak sejak beberapa bulan lalu.

Peniaga di Pasar Singgah Selalu, Taman Ria Jaya, Rohaida Othman, 50, berkata, kenaikan harga tidak dapat dielakkan demi memperoleh sedikit keuntungan apabila menjualnya dengan harga RM18 sekilogram.

"Saya mula menjual santan dengan harga baharu berbanding harga lama sebanyak RM14 sekilogram berikutan bekalan kelapa diperoleh daripada pembekal melebihi harga biasa sejak Januari lalu.



ROHAIDA Othman mengisi santan segar ke dalam plastik untuk dijual di premisnya di Pasar Singgah Selalu, Sungai Petani, Kedah.

naikkan harga demi meneruskan kelangsungan hidup.

"Walaupun kenaikan ini membebankan pembeli, kami tiada pilihan, dijangkakan harga santan akan naik lagi menjelang Ramadan ini," katanya.

Sementara itu, peniaga santan dan kelapa di Pasar Besar Sungai Petani, Salbiah Yaacob, 60, berkata, sejak kelapa mengalami kenaikan harga, dia tidak lagi membeli secara pukal sebaliknya membeli kelapa yang siap diproses dalam usaha meneruskan perniagaan diusahakan sejak 16 tahun lalu.

"Meskipun harga kelapa siap dikopek turut mengalami kenaikan daripada RM4.30 seki-

UTUSAN Malaysia
19 Februari 2025

# 'Pelanggan lari jika guna santan kotak'

Oleh OTHMAN YAHAYA
utusannews@mediamulia.com.my

**SUNGAI PETANI:** Kenaikan harga santan sehingga mencecah RM18 sekilogram memberi kesan besar terhadap pengguna terutama mereka menggunakan bahan itu dalam kuantiti banyak untuk tujuan perniagaan.

Peniaga ketupat, Rosnani Musa, 61, dari Taman Kuda Kepang berkata, dia terpaksa membeli santan walaupun tidak kisah harga yang dikenakan penjual kerana ingin menjaga mutu dan rasa ketupat yang dibuatnya sejak 20 tahun lalu.

"Margin keuntungan menyusut banyak ekoran penggunaan santan yang dibeli mahal iaitu RM15 sekilogram sekarang berbanding dahulu RM13, tetapi saya harus guna santan segar.

"Saya pernah guna santan kotak tetapi banyak pelanggan 'lari' kerana ketupat yang dimakan tidak lemak dan tidak berminyak, jadi saya tiada pilihan guna santan segar walaupun terpaksa beli dengan harga RM15 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Akhbar ini melaporkan, para peniaga yang menjual santan di daerah ini tiada pilihan apabila terpaksa menaikkan harga bahan itu ekoran kenaikan harga kelapa secara mendadak sejak beberapa bulan lalu.

Tinjauan di beberapa pasar utama mendapati, peniaga perlu membayar RM3,500 bagi satu tan kelapa sejak awal tahun ini berbanding RM2,700 sekaligus memaksa mereka menjual santan dengan harga baharu.

Sementara itu, pengusaha kuih muih, Saleha Salleh, 48, dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu berkata, kenaikan santan segar ketika ini memang membebankan.

"Saya membuat kuih yang menggunakan bahan asasnya santan seperti kuih lapis dan talam yang telah beberapa kali terpaksa menaikkan harga untuk menyerap kerugian.

"Namun sebaliknya pelanggan merungut menyebabkan jualan saya terjejas teruk walaupun saya beritahu mereka terpaksa menaikkan harga kerana memperoleh santan segar dengan harga tinggi," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 31

# Kurang kelapa, peniaga santan hanya berniaga dua hari

**PONTIAN:** Isu kekurangan bekalan kelapa sejak kebelakangan ini menyebabkan peniaga santan di Pasar Awam Pontian, di sini hanya beroperasi selama dua hari dalam seminggu.

Mohd. Hazli Musa, 49, berkata, perkara tersebut tidak dapat dielakkan kerana dia hanya menerima bekalan kelapa sebanyak 300 biji bagi dua hari perniagaannya yang beroperasi pada Ahad dan Rabu.

Dia mendapat bekalan kelapa daripada pekebun kecil di kawasan Tanjung Piai dengan harga antara RM2 hingga RM2.50 sebiji, bergantung dengan saiz buah tersebut.

"Bagi tidak menghampakan peniaga yang memerlukan santan setiap hari seperti peniaga nasi lemak, kuih-muih dan lauk-pauk berasaskan santan, saya buka kedai dua hari sahaja setiap minggu," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Walaupun bekalan kurang dan permintaan tinggi, namun Mohd. Hazli tetap menjual santan pada harga kawalan, iaitu RM12 sekilogram berbanding sehingga RM15 di sesetengah kawasan.

"Sebagai peniaga santan kami terpaksa akur dengan arahan tersebut dan akan cuba untuk memastikan harga itu kekal pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri nanti," katanya.

Memandangkan kebanyakan pelanggannya merupakan peniaga makanan, setiap hari dia hanya memproses kira-kira 40 kilogram santan untuk diagih-agihkan kepada mereka.

"Untuk berlaku adil, setiap pembeli dihadkan pembelian supaya semua peniaga mendapatkan bekalan santan yang mencukupi untuk membuat nasi lemak, kuih-muih dan sebagainya," katanya.

Mohd. Hazli berkata, memandangkan daerah Pontian berdekatan dengan negara jiran Indonesia, dia mencadangkan supaya kelapa yang dibawa masuk ke Johor melalui pintu masuk di Kukup Laut.



**MOHD. HAZLI** Musa menimbang santan yang dijual di gerainya di Pasar Awam Pontian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun TELLING IT AS IT IS

HARI: KHAMIS
TARIKH: 20/2/2025
M/SURAT: 3

# Bank Negara urged to tighten credit card rules for graduates

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

**Expert warns early credit access could lead to overspending, financial instability and worsening of household debt**

**PETALING JAYA:** Bank Negara Malaysia must tighten policies on issuing credit cards to new graduates as it could exacerbate the country's already high household debt, said Universiti Teknologi Mara Academy of SME and Entrepreneurship Development coordinator Dr Mohamad Idham Md Razak.

"Malaysia's household debt-to-gross domestic product (GDP) ratio is already high, standing at 81.9% in 2023. This will only worsen with lenient credit policies.

"Banks should be cautious when offering credit cards to fresh graduates as early access significantly influences financial behaviour and could lead to overspending and debt accumulation," he said.

While access to credit can help manage cash flow, build financial records and integrate users into formal banking systems, fresh graduates often have unpredictable incomes, heightening the risk of loan defaults.

To mitigate this, banks should implement stricter lending procedures, including income verification and customised credit limits.

Mohamad Idham suggested that careful lending could enable banks to capture economic gains from consumer spending while maintaining financial stability, turning credit into an empowering tool rather than a debt trap.

In April 2024, the National Credit Counselling and Management Agency reported that 53,000 youths aged 30 and below were in debt, totalling nearly RM1.9 billion, with personal loans making up 40% of the sum.

He noted that early credit access shapes financial habits, with financially literate individuals using credit responsibly, improving budgeting skills and strengthening their credit scores.

"However, those lacking financial literacy tend to spend impulsively, leading to high-interest debt and poor credit ratings, which limit long-term financial opportunities.

"Cognitive biases – including present bias in behavioural economics – heighten financial risks, reinforcing the need for structured financial education to promote responsible credit usage," he said.

While credit card access boosts economic activity by increasing spending power among fresh graduates, he stressed that long-term growth depends on borrowing habits.

"Investing in education and essential assets delivers sustainable returns, whereas spending on non-durable goods creates short-term, unsustainable demand.

"In economies such as Malaysia, where household debt burdens are significant, robust risk-assessment frameworks are essential to mitigate systemic risks," he added.

Mohamad Idham urged credit card approvals to be based on verified income levels, stable employment history and a clean credit record.

"Policy frameworks must require credit affordability assessments and set interest rate limits on revolving credit, while ensuring transparent fee structures. Balancing financial inclusion with caution is key to ensuring borrowers' repayment ability aligns with available credit," he said.

With private consumption making up nearly 58% of GDP, he called on policymakers to introduce financial incentives that encourage strategic spending, such as tax benefits for essential purchases and penalties for luxury spending.

He said the absence of regulatory measures such as debt-to-income limits allow debt dependency to spiral.

"The lack of practical financial guidance in education leaves young adults vulnerable to predatory marketing and debt traps."

He also pointed out behavioural biases as a reason for the low demand for financial literacy programmes.

To bridge these gaps, financial education must be repositioned as a public-private mission, integrating technology for scalable delivery and embedding financial literacy into national education systems.

"A strong political commitment, joint sector efforts, and sustained funding are crucial to ensuring its success," Mohamad Idham said.



**DISCOUNTED OFFERINGS ...** Visitors looking at various essential goods at affordable prices during the Madani Rahmah Sales event at the World Trade Centre in Kuala Lumpur yesterday. – *ADIB RAWI YAHYA/THESUN*

## Errant TV stations to face music: Minister

**KUALA LUMPUR:** The government

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 20 FEBRUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 20-Feb | Diesel diseleweng bernilai RM150,000 dirampas | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1188736/diesel-diseleweng-bernilai-rm150000-dirampas | HARIAN METRO |
| 20-Feb | KPDN Rampas 15,000 Liter Minyak Diesel Disyaki | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2394031 | BERNAMA |
| 20-Feb | Warga asing antara ditahan seleweng diesel bernilai hampir RM150,000 | https://www.sinarharian.com.my/article/713520/berita/semasa/warga-asing-antara-ditahan-seleweng-diesel-bernilai-hampir-rm150000#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 20-Feb | Komplot seleweng diesel untuk perlombongan haram dibongkar | https://www.utusan.com.my/berita/2025/02/komplot-seleweng-diesel-untuk-perlombongan-haram-dibongkar/#google_vignette | UTUSAN |
| 20-Feb | MyCC syor KPKM kaji semula mekanisme kawalan beras putih tempatan dan import | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1363459/mycc-syor-kpkm-kaji-semula-mekanisme-kawalan-beras-putih- | BERITA HARIAN |
| 20-Feb | Hanya MyCC boleh dedah Kajian Industri padi dan beras – Mat Sabu | https://malaysiagazette.com/2025/02/19/hanya-mycc-boleh-dedah-kajian-industri-padi-dan- | MALAYSIA GAZETTE |
| 20-Feb | Peruntukan RM1 bilion bina infrastruktur sokong industri padi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1363354/peruntukan-rm1-bilion-bina-infrastruktur-sokong-industri | BERITA HARIAN |
| 20-Feb | Enam bulan tempoh tambah baik sektor padi, beras | https://www.sinarharian.com.my/article/713641/berita/nasional/enam-bulan-tempoh-tambah-baik-sektor | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20-Feb | Enam bulan tempoh tambah baik sektor padi, beras secara menyeluruh - Mohamad Sabu | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2394287 | BERNAMA |
| 20-Feb | Enam bulan tempoh tambah baik sektor padi, beras secara menyeluruh - Mohamad Sabu | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/enam-bulan-tempoh-tambah-baik-sektor-padi-beras-secara-menyeluruh-mohamad-sabu-509327 | ASTROAWANI |
| 20-Feb | Enam bulan tempoh tambah baik sektor padi, beras secara menyeluruh: Mohamad | https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/19/enam-bulan-tempoh-tambah-baik-sektor-padi-beras-secara- | UTUSAN BORNEO |
| 20-Feb | Perlu ada harga siling sewa tapak bazar Ramadan, Syawal | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1188860/perlu-ada-harga-siling-sewa-tapak-bazar-ramadan- | HARIAN METRO |
| 20-Feb | Ministry foils illegal diesel supply to iron ore mine, seizes 15,000 litres | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/02/1177286/ministry-foils-illegal-diesel-supply-iron-ore-mine-seizes-15000 | NST |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT